

[FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI/BH]

→ PUISI RIONG



Antara yang hadir pada Malam Puisi Riong BH-PNB: BH 60 Tahun di Balai Berita Bangsar, malam tadi.

Deklamator Malam Puisi Riong hargai sumbangan BH

→ 14 tokoh deklamasi sajak erat hubungan media, sasterawan

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Sumbangan BH sebagai akhbar sepanjang enam dekad sejarah Malaysia dihargai dalam bentuk puitis pada Malam Puisi Riong BH-Permodalan Nasional Berhad (PNB): BH 60 Tahun Merentas Generasi di Balai Berita di sini, malam tadi.

Seramai 14 tokoh media, penyair, penulis, pemimpin persatuan penulis, penyanyi lagu puisi, deklamator dan pelajar mendeklamasi puisi serta menyanyi lagu puisi yang membawa semangat yang pernah diungkapkan oleh akhbar ini.

Pengarang Eksekutif Berita, Rencana dan Digital BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, berkata penganjuran Malam Puisi Riong menjadi antara pengisian sambutan ulang tahun BH ke-60 menunjukkan betapa dekatnya akhbar itu dengan sastera dan budaya.

Pentas erat hubungan

“Di sebalik tanggungjawab BH sebagai media sama ada konvensional mahupun digital, kesusasteraan dan kebudayaan tetap diberikan tumpuan termasuk dalam menyebarkannya kepada masyarakat.

“Saya harap Malam Puisi Riong akan menjadi pentas yang lebih



Di sebalik tanggungjawab BH sebagai media sama ada konvensional mahupun digital, kesusasteraan dan kebudayaan tetap diberikan tumpuan termasuk dalam menyebarkannya kepada masyarakat”

Ahmad Zaini Kamaruzzaman,
Pengarang Eksekutif Berita,



Dr Mohamad Saleh membacakan puisi.



Bekas wartawan BH dan Penulis buku, Zinitulniza Abdul Kadir.



Pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, Mohd Firdaus Hashim.

mengeratkan hubungan antara pengamal media dengan sasterawan seperti yang pernah tercatat dalam sejarah tanah air termasuk BH yang pernah disertai ramai penulis dan penyair,” katanya.

Yang turut hadir Naib Presiden Kanan Bahagian Hal Ehwal Korporat & Komunikasi PNB, Aziz Anuar; Presiden Jabatan Pendidikannya, Zamani Abdullah dan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Mohd Khair Ngadiron.

Ahmad Zaini turut membacakan puisi mengenai nasib umat Islam Rohingya yang sering mendapat perhatian dan simpati rakyat negara ini, sekali gus diberikan sorotan eksklusif oleh BH.

Presiden Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA), Dr Mohamad Saleh Rahamad, pula berkata beliau mengalu-alukan sumbangan BH dalam memberikan sorotan meluas dan kritikan membina kepada sastera dan budaya, selain turut sama menganjurkan acara apresiasi puisi.

Kerjasama pelbagai pihak diperlukan

“Kerjasama pelbagai pihak daripada agensi dan institusi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) hinggalah media diperlukan dalam memastikan sastera serta budaya dapat berfungsi sebagai alat membangunkan peradaban,”

katanya.

Naib Presiden Kanan, Jabatan Jualan Media, TV Al-Hijrah, Zainal Rashid Ahmad, turut mendeklamasikan puisi berjudul Selamat Ulang Tahun, Sahabat yang menghargai dan memahami perjuangan rakan sejawatannya di BH yang menyambut ulang tahun ke-60 pada 1 Julai lalu.

Antara yang membacakan puisi ialah Pensyarah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM) Dr Lawrence Ross; Presiden Persatuan Penulis Kuala Lumpur (KALAM), Dr Ghazali Taib; penyair, Pyanhabib; Pemenang Anugerah Pelakon Lelaki Terbaik Filem Anugerah Skrin 2017 (ASK2017), Khir Rahman; Penerima Anugerah Karayawan Muda Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA), Siti Jasmina Ibrahim dan bekas wartawan BH, Zinitulniza Abdul Kadir.

Turut mendeklamasikan puisi ialah Juara Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan (SDPK) Peringkat Kebangsaan Ke-29, Ahmad Shukri Abdullah dan wakil Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan Peringkat Polis Diraja Malaysia (PDRM), Koperal Buck Lee Pik Seng.

Malam Puisi Riong yang dikendalikan oleh personaliti TV3, Ahmad Fedtri Yahya turut dimeriahkan dengan nyanyian lagu puisi oleh penyanyi lagu puisi, Syed Amran yang terkenal dengan lagu Selamat Malam Rohingya.